

**TERMA RUJUKAN**  
**MALAYSIAN INFORMATION**  
**SYSTEM LIBRARIAN (MySyL)**

Tarikh di Kemaskini: Julai 2013

**MALAYSIAN INFORMATION SYSTEM LIBRARIANS (MySyL)****Pengenalan**

- i. *Special Interest Group IT* (SIG IT) ini adalah sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Pustakawan dan Pegawai Sistem Maklumat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Majlis Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN).
- ii. Nama Jawatankuasa SIG IT ini telah ditukar kepada Malaysian Information System Librarians (MySyL) pada tahun 2011.
- iii. Ahli MySyL terdiri daripada perpustakaan IPTA dan perpustakaan IPTS yang terpilih. (Rujuk Lampiran 1)
- iv. Mulai 2013, Sekretariat MySyL diwujudkan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan.

**Matlamat**

Merancang dan melaksanakan program ICT dalam kalangan ahli Majlis PERPUN

**Objektif**

- i. Merancang dan melaksanakan program pembangunan sumber maklumat dan aplikasi di peringkat nasional.
- ii. Mewujudkan forum bagi perkongsian idea, kepakaran, pengalaman dan sumber maklumat dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di perpustakaan.
- iii. Membincangkan permasalahan dan isu-isu berkaitan ICT serta mencadangkan kaedah penyelesaian.

**Keahlian**

- i. Ketua Pustakawan bertanggungjawab untuk melantik seorang ahli tetap yang mengurus ICT di perpustakaan masing-masing.
- ii. Ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada mereka yang boleh membuat keputusan dan melaporkan kepada Ketua Jabatan masing-masing.
- iii. Ahli bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat atau menghantar wakil.
- iv. Tempoh keahlian adalah sepanjang tempoh perkhidmatan di jabatan/bahagian/unit yang bertanggungjawab menguruskan ICT di perpustakaan masing-masing.

**Sekretariat**

- i. Sekretariat MySyL terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha 1, Setiausaha 2 dan beberapa anggota yang dilantik untuk tujuan khusus.
- ii. Tempoh lantikan sekretariat adalah selama dua (2) tahun ATAU dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- iii. Pemilihan jawatan ini adalah berdasarkan kepada cadangan dan persetujuan ahli mesyuarat dan disahkan oleh Majlis PERPUN.

**Fungsi dan tanggungjawab**

- i. Membangunkan sistem aplikasi yang dapat digunakannya antara perpustakaan.
- ii. Menyelenggara dan mengemaskini kandungan dan sistem aplikasi berikut:
  - a. Portal MyUniNet
  - b. Malaysian Thesis Online (MyTO)
  - c. Malaysian Union List of Serial (MyULIS)
  - d. Katalog Induk PERPUN (KIP)
  - e. Sistem Pinjaman Antara Perpustakaan (Ushare PERPUN)
- iii. Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Majlis PERPUN berkaitan dengan ICT.
- iv. Menyediakan laporan berkaitan dengan aktiviti MySyL kepada Majlis PERPUN.
- v. Mempromosi sumber maklumat dan sistem aplikasi yang dibangunkan.
- vi. Merancang dan melaksanakan aktiviti penambahbaikan ICT secara berterusan.
- vii. Merancang dan melaksanakan pelan strategik ICT PERPUN.

**Aktiviti**

- i. Mesyuarat
  - a. Berkala (sekurang-kurangnya 3 kali setahun)
  - b. *Adhoc*
- ii. Program latihan
  - a. Kursus
  - b. Bengkel
  - c. Seminar
  - d. Latihan sangkut
- iii. Lawatan penandaarasan
- iv. Kajian dan tinjauan
- v. Penyediaan laporan dan penerbitan

**IPTA**

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
2. Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Universiti Malaya
4. Universiti Malaysia Kelantan
5. Universiti Malaysia Pahang
6. Universiti Malaysia Perlis
7. Universiti Malaysia Sabah
8. Universiti Malaysia Sarawak
9. Universiti Malaysia Terengganu
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris
11. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
12. Universiti Putra Malaysia
13. Universiti Sains Islam Malaysia
14. Universiti Sains Malaysia
15. Universiti Sultan Zainal Abidin
16. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
17. Universiti Teknologi Malaysia
18. Universiti Teknologi MARA
19. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
20. Universiti Utara Malaysia

**IPTS/GLC**

1. Universiti Kuala Lumpur
2. Universiti Terbuka Malaysia
3. Universiti Multimedia Malaysia
4. Universiti Tenaga Nasional
5. Universiti Teknologi PETRONAS